



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)**
www.ijemp.com



**KEHENDAK PELAJAR DAN PEMILIHAN TERHADAP
KERJAYA KEUSAHAWANAN DI INSTITUT PENGAJIAN
TINGGI MALAYSIA**

*THE NEED AND OPTION FOR STUDENT TO PURSUE ENTREPRENEURSHIP
AS A CAREER IN MALAYSIA HIGHER LEARNING INSTITUTIONS*

Chai Siew Ling^{1*}, Nor Aishah Buang², Norasmah Othman³

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Malaysia
Email: reneechai86@gmail.com

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Malaysia
Email: norais@ukm.edu.my

³ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Malaysia
Email: lin@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 21.01.2021

Revised date: 15.02.2021

Accepted date: 21.03.2021

Published date: 25.03.2021

To cite this document:

Chai, S. L., Buang, N. A., & Othman, N. (2021). Kehendak Pelajar dan Pemilihan Terhadap Kerjaya Keusahawanan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 4 (13), 109-121.

Abstrak:

Proses permulaan dan pengurusan sesuatu usaha perniagaan syarikat atau organisasi berhubung kait rapat dengan bidang keusahawanan. Usahawan mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan pelan perniagaan supaya mereka dapat memperoleh sumber kewangan dan manusia yang sedia ada dalam pasaran. Bidang keusahawanan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara dengan mencipta banyak dan pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat tersebut. Malaysia sentiasa berusaha untuk memupuk minat keusahawanan di kalangan pelajar terutamanya bagi pelajar institut pendidikan tinggi agar mereka dapat meneruskan kerjaya keusahawanan selepas tamat pengajian. Namun begitu, usaha tersebut telah menunjukkan bahawa tidak berjaya adalah disebabkan oleh bilangan graduan pada peringkat yang rendah di dalam kerjaya keusahawanan. Kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji kehendak pelajar dan pemilihan terhadap kerjaya keusahawanan pelajar daripada 49 buah universiti di Malaysia. Seramai 280 orang pelajar IPT yang bersetuju untuk melibatkan diri dalam kajian ini. Bagi kajian ini analisis data tinjauan dengan satu set soal selidik telah diadakan

DOI: 10.35631/IJEMP.413008.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



kepada para responden secara di atas talian. Perisian Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) digunakan untuk memperoleh data analisis, analisis deskriptif dan regresi juga dapat dilakukan. Analisis data tinjauan mendapati bahawa kehendak pelajar terhadap kerjaya keusahawanan adalah pada tahap yang tinggi tetapi pemilihan terhadap kerjaya keusahawanan pelajar pula pada tahap yang sederhana tinggi sahaja. Justeru, pihak kerajaan Malaysia perlu mengambil tindakan dan menyediakan langkah yang sewajarnya untuk meningkatkan kadar pemilihan untuk menjalankan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT.

Kata Kunci:

Kehendak; Keusahawanan; Pelajar; Pemilihan Kerjaya; Universiti Di Malaysia

Abstract:

The process of starting and managing a business venture of a company or organization is closely related to the field of entrepreneurship. Entrepreneurs have a responsibility to develop business plans so that they can acquire the financial and human resources available in the market. Entrepreneurship plays an important role in the economic development of a country by creating many and various job opportunities for the people. Malaysia always strives to cultivate entrepreneurial interest among students, especially for students of the Institute of Higher Education so that they can pursue an entrepreneurial career after graduation. Nevertheless, the effort showed low impact in promoting due to the low number of graduates in the entrepreneurial career. This study was conducted to study the desire of students on the selection of entrepreneurial careers of students from 49 universities in Malaysia. A total of 280 IPT students agreed to participate in this study. For this study, the analysis of survey data with a set of questionnaires was distributed to the respondents online. Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software used to obtain data analysis, descriptive analysis, and regression were done. Analysis of survey data found that students' desire for an entrepreneurial career is at a high level but the selection of students' entrepreneurial career is at a moderately high level only. Therefore, the Malaysian government needs to take action and provide appropriate measures to increase students' desire for entrepreneurial career choice.

Keywords:

Desire; Entrepreneurship; Students; Career Selection; Universities In Malaysia

Pengenalan

Bidang keusahawanan dilaporkan sentiasa membuka peluang yang luas kepada setiap individu tanpa mengira bangsa dan agama yang berhasrat untuk memperoleh pendapatan tinggi (Mohd Salleh, 2015). Selain itu aktiviti bidang keusahawanan juga dilaporkan berkorelasi dengan peningkatan dan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Sepertimana yang dilaporkan oleh Abd Aziz (2012), sesebuah negara akan maju dan makmur jika memiliki bilangan usahawan yang ramai. Ini kerana aktiviti keusahawanan secara langsung akan mencipta peluang pekerjaan kepada warga sesebuah negara.

Terkini dilaporkan bilangan graduan di setiap negara juga meningkat terutama dengan kemunculan institusi pengajian yang berlipat ganda. Impaknya bilangan siswazah yang bergraduasi juga turut meningkat. Sebagai contoh, di Malaysia pada tahun 2019 seramai 123,043 orang telah bergraduasi iaitu meningkat sebanyak 1621 berbanding dengan jumlah graduan tahun 2018 (Statistik Pendidikan Tinggi 2019). Jumlah yang banyak ini amat membimbangkan terutama apabila berlakunya krisis-krisis ekonomi seperti krisis Covid-19. Krisis Covid-19 telah menyebabkan peluang pekerjaan menjadi lebih terhad terutama apabila banyak agensi atau syarikat berdepan dengan masalah kewangan sehingga ada yang jatuh muflis. Selain hal tersebut, para graduan juga berdepan dengan persaingan dengan golongan yang berpengalaman, yang turut mencari peluang pekerjaan. Senario ini berlaku kerana perubahan ekonomi yang tidak stabil menyebabkan peluang pekerjaan menjadi semakin terbatas dalam kalangan graduan terutama pada waktu pandemik covid-19.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) turut melaporkan bahawa kadar pengangguran dalam kalangan siswazah pada tahun 2019 merupakan yang tertinggi sejak 10 tahun iaitu 29.3 peratus daripada 610,500 (Mukhriz, 2020). Justeru semua IPT perlu mengambil tindakan segera agar isu pengangguran dapat diatasi. Persepsi para siswazah terhadap kerjaya keusahawanan perlu diubah supaya isu pengangguran dapat diatasi. Harapan agar para siswazah tidak lagi memandang rendah terhadap kerjaya keusahawanan malah memilihnya sebagai kerjaya pilihan (Norasmah & Salmah, 2019). Usaha yang berterusan untuk melahirkan siswazah yang berani mengambil risiko dan berkemahiran perlu dijalankan dari semasa ke semasa. Rahman (2020), mengatakan bahawa IPT perlu berusaha melaksanakan kursus asas keusahawanan kepada semua pelajar universiti pada tahun pertama dengan mewajibkan mereka untuk mengambil kursus ini.

Kerjaya Keusahawanan

Menurut Abdullah (2019), kerjaya dapat menentukan seseorang itu boleh menikmati faedah dan status dalam masyarakat daripada pilihan kerjaya mereka. Menurut Mohd Nasrul (2015), kerjaya merupakan sesuatu proses kehidupan dalam mengintegrasikan kesedaran diri dan menyesuaikan diri supaya pengalaman individu berkembang kepada konteks konseptualisasi. Kerjaya merupakan sesuatu siri perkembangan dan pengalaman pekerjaan seseorang dengan memainkan peranan yang penting dalam menyara serta mewarnai perjalanan bagi kehidupan setiap individu (Te et al., 2019). Perkembangan kerjaya adalah dinamik yang mampu membuat pembaharuan atau kemajuan dalam sesuatu kumpulan masyarakat dan ia berdasarkan hubungan antara individu dengan masyarakat ke atas aktiviti-aktiviti sosial yang dilakukan. Kerjaya memainkan peranan yang penting terhadap setiap individu kerana ia dapat meningkatkan harga diri, pembentukan kesedaran identiti dan pemberian kepada ketenangan jiwa dalam kehidupan harian kita.

Keusahawanan ialah bidang sains sosial yang ada pelbagai makna. Sehingga kini, para penyelidik dan sarjana masih lagi mencari makna yang sepunya untuk dijadikan sebagai panduan. Amnya, keusahawanan adalah gabungan idea, usaha, penyelarasan perniagaan, pengurusan sumber yang optima bagi tujuan mengeluarkan hasil dan output di dalam pasaran (Abbas et al., 2016). Asalnya pada era 70an dan 80an di Malaysia, bidang keusahawanan merupakan bidang yang tidak diminati ramai. Namun, pada masa ini senario berkaitan bidang keusahawanan telah berubah. Ini kerana bidang keusahawanan telah dikenal pasti penting dan mempunyai hubungan rapat dengan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Rentetan itu pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi tujuan meningkatkan penyertaan

golongan siswazah dalam bidang keusahawanan. Kerajaan berusaha untuk membudayakan keusahawanan dalam kalangan pelajar melalui pendidikan. Fokus utama kebanyakannya berasaskan kepada inovasi dan bukan lagi bersifat tradisional seperti dahulu. Menurut Nadzri (2015), inovasi ialah ciri penting dalam bidang keusahawanan.

Pendidikan keusahawanan yang telah disediakan oleh institusi pengajian tinggi telah diiktiraf sebagai salah satu kaedah yang berkesan dalam pembentukan kehendak dan minat golongan siswazah untuk terlibat dalam bidang keusahawanan. Pendidikan keusahawanan sebagai mekanisme yang baik untuk meningkatkan pemahaman secara teori dan praktikal kepada para siswazah (Shariff, 2016). Sikap dan pengetahuan dalam keusahawanan ialah faktor yang boleh meningkatkan kehendak siswazah kepada dunia perniagaan (Syakira, 2015). Minat dan kehendak dalam keusahawanan dapat diwujudkan dalam keluarga yang pernah menjalankan aktiviti perniagaan. Dalam kajian Abdullah (2015) didapati bahawa keluarga yang menjalankan perniagaan boleh mempengaruhi kehendak ahli keluarga lain untuk memulakan dan membuka perniagaan yang baharu. Semua pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi daripada ahli keluarga yang berniaga dapat digunakan dalam bidang keusahawanan.

Kehendak ialah elemen yang penting dalam memulakan sesuatu aktiviti. Hasil ganjaran adalah lebih optima jika seseorang individu ada kehendak yang mendalam (Mupit et al., 2018). Fikiran daripada kehendak seseorang adalah sangat penting kepada setiap individu yang ingin menglibatkan diri dan memulakan perniagaan dalam bidang keusahawanan untuk mencapai sesuatu kejayaan diingini. Minat juga dapat membentuk golongan usahawan berusaha bersungguh-sungguh dalam bidangnya. Dalam kajian Hamzah (2009), menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan minat pelajar Universiti Malaysia Perlis terhadap bidang keusahawanan lebih daripada sebahagian responden iaitu 54.9 peratus pada tahap yang sederhana. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa status minat yang tinggi terhadap keusahawanan hanya 26.8 peratus sahaja. Ini kerana responden ialah pelajar tahun satu yang masih baru dalam ilmu perniagaan dan keusahawanan.

Ramai penyelidik terdahulu telah melakukan banyak kajian tentang tahap pemilihan dalam kerjaya keusahawanan terhadap para pelajar. Misalnya kajian Kamin (2014) menunjukkan bahawa tahap kesedaran pelajar tingkatan enam dari tujuh buah sekolah harian di Malaysia dalam kategori pencapaian akademik SPM yang tinggi terhadap pemilihan kerjaya masih lagi berada pada tahap yang rendah jika dibandingkan dengan pencapaian akademik SPM bagi pelajar yang pada tahap sederhana tinggi, sederhana dan rendah. Walaupun pelajar yang mencapai keputusan yang cemerlang dalam SPM tetapi tahap pemilihan kerjaya mereka masih berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa pelajar tersebut amat memerlukan pendedahan awal daripada guru dan juga maklumat persekitaran semasa.

Pendidikan keusahawanan boleh mendedahkan dan membentuk budaya keusahawanan yang baik kepada para siswazah untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya utama (Hassan, 2017). Pendidikan keusahawanan yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi berdaya usaha dalam pembentukan fikiran para pelajar kepada matlamat utama bagi budaya keusahawanan yang unggul (Mohamad et al., 2018). Dalam kajian Wang (2015) ada mengatakan bahawa ramai siswazah di Singapura mempunyai minat dan kehendak yang tinggi dalam bidang keusahawanan. Siswazah tersebut telah membuat rancangan bagi membuka dan menguruskan perniagaan secara persendirian. Kajian ini juga telah melaporkan bahawa sekiranya para siswazah mempunyai tahap pengetahuan yang begitu rendah tetapi mereka

mempunyai kehendak yang tinggi sebagai dorongan untuk membuka perniagaan pada masa akan datang.

Menurut Harun (2016), kehendak dan minat sebagai faktor utama yang penting bagi menentukan setiap individu sama ada boleh mencapai kejayaan dengan menjalankan segala yang hendak diceburinya. Menurut projek Amin (2012) yang menumpukan perhatian kepada projek perkongsian pintar di antara institusi pengajian tinggi bagi tujuan melahirkan lebih ramai usahawan muda yang berjaya telah mengenal pasti bahawa hal yang utama menjadi kriteria adalah kehendak dan minat. Jadinya, minat dan kehendak seseorang sebagai pendorong utama kepada individu dengan penglibatan secara sepenuh hati bagi menjadi seorang usahawan yang cemerlang dalam bidang keusahawanan.

Kajian Nor Fadhilah (2010) mendapati bahawa lebih separuh pelajar dari universiti awam mempunyai kehendak yang tinggi dalam pemilihan kerjaya keusahawanan supaya mendapat kecemerlangan dalam kehidupan mereka. Faktor-faktor yang lain misalnya pendedahan pendidikan keusahawanan, rakan sebaya dan ahli keluarga boleh menarik minat dan kehendak pelajar untuk memilih kerjaya keusahawanan. Persekitaran universiti yang kondusif, pensyarah dan latihan amali juga boleh menggalakkan lebih ramai pelajar bagi memilih bidang keusahawanan sebagai sesuatu aspirasi kerjaya pada masa depan.

Kajian yang dilaksanakan oleh Faizu (2020) tentang tahap pengetahuan asas pelajar terhadap keinginan pemilihan kerjaya keusahawanan bagi golongan pelajar aliran agama di Malaysia. Dapatan kajian tersebut telah menunjukkan bahawa tahap pengetahuan asas keusahawanan pelajar berada pada tahap yang tinggi. Namun tahap keinginan mereka bagi kajian Faizu dalam pemilihan kerjaya keusahawanan adalah pada tahap yang sederhana tinggi. Ini menunjukkan pendedahan awal ilmu dan pelaksanaan program keusahawanan yang dijalankan didapati masih kurang memberi kesan kepada pelajar tersebut. Ini terbukti apabila kehendak mereka untuk memilih kerjaya keusahawanan masih pada tahap yang sederhana tinggi.

Menurut Poo et al. (2012), pemilihan kerjaya merupakan sesuatu proses yang sangat rumit dan kompleks dengan memerlukan masa yang panjang bagi membuat keputusan yang terakhir. Ini kerana perubahan persekitaran yang tidak menentu dan dijangka pada masa kini. Keadaan ini disokong oleh Abbas et al. (2016), pemilihan sesuatu kerjaya menjadi semakin rumit kerana individu ingin memilih kerjaya yang dikehendaki supaya mendapat kepuasan bekerja yang kekal lebih lama.

Generasi muda di negara maju yang lain sentiasa memilih kerjaya keusahawanan untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Malah pihak kerajaan Malaysia masih berusaha untuk mendidik dan mendedahkan ilmu pengetahuan kepada para graduan supaya memilih kerjaya keusahawanan sebagai pilihan kerjaya utama. Kajian Norasmah dan Nor Hafiza (2012) melaporkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan bagi impak globalisasi terhadap tingkah laku pelajar dalam pemilihan kerjaya keusahawanan. Persepsi yang positif daripada seseorang individu memotivasikan dan membolehkan mereka lebih cenderung untuk menyertai aktiviti-aktiviti keusahawanan.

Banyak kajian yang lepas telah mendapati bahawa hanya golongan individu yang tertentu sahaja yang akan membuat pilihan kerjaya mereka dalam bidang keusahawanan. Setelah diselidiki, golongan tersebut biasanya ada persepsi yang positif terhadap bidang keusahawanan.

Menurut Norasmah (2019), beliau telah mengatakan bahawa bidang keusahawanan boleh memberi kepuasan kepada mereka dari segi pengiktirafan. Menurut Mazirah (2018) pula, seseorang usahawan sentiasa berfikir kreatif dan inovasi dengan menggunakan kemahiran yang dimiliki secara bebas tanpa memperoleh kebenaran sesiapa dalam mengusahakan kerjaya mereka.

Pemilihan kerjaya keusahawanan merupakan sesuatu tingkah laku bagi seseorang individu dalam pembentukan sesebuah organisasi (Ravi, 2015). Kajian lepas telah menunjukkan bahawa pilihan kerjaya keusahawanan dipengaruhi oleh faktor-faktor individu dan manusia. Dalam kajian Samsudin (2017), kehendak, sikap dan keperibadian merupakan pendedahan awal untuk menentukan tingkah laku seseorang individu dalam membuat pilihan kepada kerjaya keusahawanan. Dalam kajian Mamat (2016), persepsi dan sikap seseorang usahawan didapati boleh mempengaruhi tingkah laku mereka untuk memilih kerjaya keusahawanan. Faktor kehendak berhubung kait dengan tingkah laku seseorang individu yang berkeinginan untuk menceburi diri dalam bidang keusahawanan (Sharif et al., 2016). Menurut Nasrul (2015), seseorang yang ingin menjadi usahawan perlu berusaha untuk mencari peluang daripada perubahan dan sanggup menangani sebarang risiko yang dianggap sebagai cabaran.

Sikap dan kehendak seseorang terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan boleh memotivasikan dan meningkatkan kecekapan individu untuk mengeksploitasi peluang pasaran yang baharu demi dapat meningkatkan pendapatan (Sabri et al., 2015). Kehendak seseorang dalam pemilihan kerjaya keusahawanan boleh memotivasikan individu untuk menjadi seorang usahawan yang dianggap jaya (Suzalina, 2019). Aspek pengurusan sesebuah organisasi mempengaruhi pembentukan tahap kehendak seseorang individu dengan memilih kerjaya dalam bidang keusahawanan (Nasharudin et al, 2016). Menurut Fadzil (2017), tingkah laku daripada kehendak individu terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan di antara populasi mempunyai rangsangan dengan sokongan, sosial politik, kemudahan dan ketersediaan sumber. Menurut Rijal (2016) pula, kehendak memilih keusahawanan sebagai proses tingkah laku daripada seseorang individu dalam menentukan kerjaya keusahawanan. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi tujuan untuk mengenal pasti tahap kehendak pelajar dan tahap pemilihan terhadap kerjaya keusahawanan di institut pengajian tinggi Malaysia.

Metodologi

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai pendekatan utama. Proses daripada pengumpulan data dilakukan melalui pengiriman soal selidik melalui "borang Google". Populasi pelajar di universiti awam Malaysia yang dilaporkan dalam Laporan Statistik Kementerian Pengajian Tinggi 2019 adalah sekitar 121,422 (Malaysia 2020). Berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan (1970), ukuran sampel yang sesuai ialah 385 orang pelajar. Walau bagaimanapun, hanya 280 pelajar yang bersetuju untuk melibatkan diri dalam kajian. Oleh itu, sampel akhir untuk kajian ini adalah 280 responden. Teknik pensampelan rawak digunakan terdiri daripada tiga universiti penyelidikan (U1, U2 dan U3) dan dua universiti berfokus (U4 dan U5). Kaedah persampelan digunakan berdasarkan pelajar yang menyertai kursus keusahawanan dari lima universiti tersebut.

Instrumen kajian dikumpul dengan menggunakan soal selidik psikometrik indeks keusahawanan yang sudah diubah suai dan diadaptasi daripada instrumen bagi Nor Aishah ikut kehendak kajian kepada tiga bahagian. Bahagian A terdiri daripada lima item tentang ciri-ciri demografi responden. Bahagian B terdiri daripada sepuluh item yang berkenaan dengan

kehendak responden dalam bidang kerjaya keusahawanan. Bahagian C pula terdiri daripada sepuluh item yang berkaitan dengan pemilihan kerjaya keusahawanan.

Tiga puluh pelajar sarjana muda yang telah mengikuti kursus keusahawanan dari universiti komprehensif Malaysia digunakan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tinjauan sebagai kajian rintis kerana universiti tersebut tidak dipilih dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati kesahan soal selidik lebih besar daripada 0.30 dan kebolehpercayaan (Cronbach's alpha) lebih besar daripada 0.70 telah menunjukkan bahawa soal selidik tersebut adalah sah dan boleh dipercayainya. Untuk menafsirkan hasil analisis kajian, skor min dapat dihitung (Othman, 2002).

Penggunaan SPSS versi 25 digunakan untuk menganalisis data berdasarkan kaedah statistik deskriptif seperti min dan sisihan piawai. Kaedah seperti soal selidik digunakan untuk mengkaji tahap kehendak pelajar dan pemilihan terhadap kerjaya keusahawanan di institut pengajian tinggi Malaysia.

Dapatan dan Perbincangan

Analisis Kehendak Pelajar Terhadap Kerjaya Keusahawanan

Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap kehendak yang tinggi dalam bidang keusahawanan seperti pada Jadual 1. Jadual 1 menunjukkan bahawa pelajar di U1 mempunyai tahap kehendak yang lebih tinggi ($M = 4.52$) terhadap kerjaya keusahawanan, diikuti oleh pelajar di U3 ($M = 4.35$), U5 ($M = 4.21$), U4 ($M = 4.16$) dan U2 ($M = 4.06$) dengan keseluruhan tahap kehendak pelajar terhadap kerjaya keusahawanan adalah 4.26 iaitu pada tahap yang tinggi. Taburan min keseluruhan yang tinggi ini wujud kerana ramai pelajar yang sangat setuju dengan item-item seperti “Saya hendak menjadi usahawan berjaya sebagai matlamat utama diri.”, “Saya gemar menceburi aktiviti keusahawanan.” dan “Saya gemar menghadiri kursus keusahawanan.” dalam kajian ini telah menggambarkan pelajar mempunyai kehendak yang positif ke arah bidang keusahawanan. Hasil kajian ini mendapati bahawa peratusan kehendak pelajar terhadap kerjaya keusahawanan adalah pada tahap tinggi. Ia dapat diakui oleh Hisrich et al. (2008) dan Nor Aishah (2012) yang mempercayai individu yang mempunyai kehendak yang kuat untuk melakukan segala aktiviti boleh memperlihatkan kemungkinan yang lebih positif ke atas tindakan yang dikehendaki oleh mereka.

Kajian Mazirah (2018), kehendak membawa maksud niat, keinginan, minat dan kemahuan terhadap sesuatu perkara. Kajian ini turut melaporkan bahawa niat dan kehendak bagi seseorang individu yang berusaha dalam menerokai dan mencuba sesuatu aktiviti boleh menentukan bahawa bidang tersebut adalah bidang yang ingin diceburinya. Dapatan kajian tersebut juga telah menunjukkan bahawa pelajar kolej vokasional mempunyai tahap kecenderungan yang tinggi dalam memilih kerjaya keusahawanan. Kajian Norasmah dan Salman (2011), menunjukkan bahawa tahap persepsi siswazah adalah tinggi dan positif dengan mempunyai kecenderungan dalam pemilihan kerjaya keusahawanan. Ini kerana responden tersebut mempunyai tahap kehendak yang tinggi setelah didedahkan kepada latihan keusahawanan. Kehendak pada kerjaya keusahawanan adalah tinggi untuk siswazah pengajian tinggi dengan disokong oleh Ishak (2017) dalam kajian kesediaan guru sains di Maktab Rendah Sains (MRSM).

Kajian Othman et al. (2012) juga menunjukkan bahawa kejayaan sesebuah usaha teroka adalah bergantung kepada keberkesanan atau tanggungjawab seseorang usahawan yang ditentukan sebagai kehendak dan tingkah laku sendiri. Contohnya, kajian ini mendapati khidmat nasihat tentang keusahawanan saling mempengaruhi kehendak pelajar yang aktif dalam aktiviti-aktiviti keusahawanan. Hasil kajian ini selari dengan Norasmah (2011), Nor Aishah (2013) dan Ab Rashid (2018) yang menunjukkan bahawa pemilihan seseorang individu terhadap kerjaya dalam bidang keusahawanan dapat dilihat daripada tingkah laku mereka kepada sesuatu perkara. Dapatan bersifat positif dan berkorelasi dengan pelajar yang telah membuat keputusan bagi masuk ke dalam bidang keusahawanan selepas mereka tamat pengajian (Rahman & Abbasetal et al., 2016). Hasil dapatan tersebut boleh disahkan bahawa teori tingkah laku terancang sebagai penentu kehendak yang terdekat dengan faktor motivasi manusia (Ajzen 1991; Hisrich et al. 2008).

Jadual 1: Kehendak Pelajar Terhadap Kerjaya Keusahawanan

| Universiti | min | s.p | Tahap |
|-------------------|-------------|------------|---------------|
| U1 | 4.52 | .69 | Tinggi |
| U2 | 4.06 | .60 | Tinggi |
| U3 | 4.35 | .68 | Tinggi |
| U4 | 4.16 | .61 | Tinggi |
| U5 | 4.21 | .63 | Tinggi |
| Purata | 4.26 | .64 | Tinggi |

Pemilihan Terhadap Kerjaya Keusahawanan

Jadual 2 menunjukkan sejauh mana tahap pemilihan terhadap kerjaya keusahawanan. U1 mempunyai purata yang lebih tinggi ($M = 3.91$) berbanding dengan pelajar dari universiti yang lain iaitu U2: $M = 3.58$, U3: $M = 3.89$, U4: $M = 3.61$ dan U5: $M = 3.82$ yang juga berada pada tahap yang sederhana tinggi. Dalam kajian ini didapati terdapat ramai pelajar memilih item-item seperti “Yakin menjadi seorang usahawan yang berjaya.”, “Lebih gemar bekerja persendirian berbanding dengan kerja yang makan gaji.” dan “Suka menyertai program sosial untuk jumpa dengan orang ramai.” pada skor yang tidak setuju atau tidak pasti. Ini kerana pelajar tersebut tidak yakin atau masih tidak bersedia lagi untuk berjumpa dengan orang ramai dan ia bertentangan dengan ciri seorang usahawan yang ingin meluaskan pengaruh serta memperoleh lebih banyak peluang perniagaan. Norasmah dan Salmah (2019) berharap para siswazah jangan memandang rendah terhadap kerjaya keusahawanan malah memilihnya sebagai kerjaya pilihan. Kajian Tin (2012), melaporkan tahap pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar juga pada tahap sederhana tinggi dalam kalangan pelajar universiti. Ini kerana pelajar kurang didedahkan pendidikan dan program keusahawanan daripada pihak kerajaan atau agensi swasta.

Manakala dapatan kajian pengkaji ini mempunyai perbezaan daripada kajian Te et al. (2019) yang mendapati lebih ramai pelajar di Kolej Komuniti membuat pilihan kerjaya mereka terhadap bidang keusahawanan. Ini kerana pendedahan awal pendidikan keusahawanan, pengaruh dan dorongan daripada ahli keluarga boleh mempengaruhi pelajar memilih kerjaya dalam bidang keusahawanan. Kajian Norasmah dan Salman (2011) menunjukkan bahawa pendedahan awal pendidikan keusahawanan bagi peserta Skim Usahawan Siswazah mempunyai persepsi yang positif sehingga boleh mengubah persepsi para siswazah terhadap pemilihan kerjaya dalam bidang keusahawanan. Ini selari dengan dapatan kajian Nadzri (2015)

yang melaporkan bahawa kecemerlangan dalam kehidupan seseorang individu merupakan faktor yang amat mempengaruhi pelajar dengan pemilihan kerjaya dalam bidang keusahawanan. Ini kerana ciri-ciri keusahawanan yang dimiliki oleh setiap pelajar terhadap kerjaya keusahawanan adalah berhasrat untuk mencapai kecemerlangan dan kejayaan dalam kehidupan kita.

Jadual 2: Pemilihan Terhadap Kerjaya Keusahawanan

| Universiti | min | s.p | Tahap |
|-------------------|-------------|------------|-------------------------|
| U1 | 3.91 | .69 | Sederhana Tinggi |
| U2 | 3.58 | .61 | Sederhana Tinggi |
| U3 | 3.89 | .63 | Sederhana Tinggi |
| U4 | 3.61 | .67 | Sederhana Tinggi |
| U5 | 3.82 | .65 | Sederhana Tinggi |
| Purata | 3.76 | .65 | Sederhana Tinggi |

Rumusan

Kajian ini telah mendapati bahawa tahap kehendak pelajar terhadap kerjaya keusahawanan berada pada tahap yang tinggi dalam kalangan pelajar dari lima buah universiti tersebut. Pembelajaran memainkan peranan yang penting untuk melahirkan golongan pelajar yang lebih yakin dalam memiliki kehendak dan minat yang tinggi terhadap bidang keusahawanan. Pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki oleh pelajar terhadap kerjaya keusahawanan mempunyai hubungan yang rapat dengan kejayaan seseorang pelajar untuk menjadi usahawan yang berjaya. Para siswazah yang berpengetahuan tinggi dianggap sebagai modal insan yang berpotensi untuk menjadi bakal usahawan yang berjaya dengan sanggup menerokai peluang kerjaya keusahawanan dan berdaya saing di dalam pasaran global yang menjadi semakin mencabar (Mohd Rosli et al., 2013).

Kajian ini juga mendapati bahawa tahap pemilihan terhadap kerjaya keusahawanan berada pada tahap sederhana tinggi bagi pelajar di lima buah universiti tersebut. Bilangan siswazah yang telah menceburi dalam bidang keusahawanan adalah tidak cukup lagi kerana terdapat segelintir siswazah sahaja yang menganggap pemilihan keusahawanan sebagai sesuatu kerjaya mereka (Rahim et al., 2017). Justeru, pendidikan keusahawanan yang berjaya ke atas pelajar di U1, U2, U3, U4 dan U5 amat diperlukan. Cadangan kursus keusahawanan perlu terus diberikan kepada semua pelajar universiti untuk menarik minat lebih ramai pelajar bagi menceburi diri ke dalam bidang keusahawanan demi dapat mencapai hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya pada masa hadapan.

Secara purata, kajian ini telah mendapati bahawa pemilihan kerjaya keusahawanan bagi pelajar adalah pada tahap yang memuaskan. Hal ini adalah bertentangan dengan hasrat kementerian pengajian tinggi supaya melahirkan graduan universiti yang bekerja dengan secara sendiri dan bukan sebagai anggapan kerjaya tradisi yang bekerja makan gaji sahaja. Bidang keusahawanan merupakan bahagian penting daripada usaha Malaysia bagi meningkatkan pendapatan rakyat demi dapat mengembangkan lagi ekonomi negara kita.

Selain itu, individu mempunyai kehendak dan berminat terhadap kerjaya keusahawanan adalah lebih cenderung mengawal matlamat kehidupan diri. Faktor-faktor lain bagi pelajar yang mempunyai kehendak dan pemilihan terhadap kerjaya keusahawanan adalah lebih sanggup

memperoleh kepuasan, kebebasan dan kesesuaian diri dalam melakukan segala aktiviti kerja tanpa meminta kebenaran daripada orang lain. Pihak berkuasa didorong untuk menyediakan program pendidikan keusahawanan yang formal kepada semua rakyat Malaysia terutamanya bagi para siswazah supaya mereka boleh menjadi seorang usahawan yang berjaya sama ada pada masa sebelum atau selepas tamat pengajian mereka.

Secara umum, kajian ini ialah senario awal yang dapat dilihat oleh penyelidik bagi merangka usaha di peringkat universiti dengan tujuan utama untuk melahirkan lebih ramai usahawan. Pendekatan pendidikan merupakan usaha yang berterusan untuk menarik minat dan kehendak pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan (Abdullah, 2015). Dorongan diberikan kepada para siswazah dalam menjalankan aktiviti keusahawanan di peringkat universiti untuk melahirkan lebih ramai pelajar yang berkemahiran untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Pihak kerajaan dan swasta berperanan untuk menyediakan latihan, kursus, pinjaman dan memberi khidmat nasihat yang sewajarnya kepada para siswazah yang berpotensi menjadi usahawan. Cara yang berkesan ini boleh memberi bantuan kepada usaha Malaysia bagi mengurangkan kebergantungan para siswazah terhadap kerajaan. Di samping itu, ia juga boleh mengurangkan kadar pengangguran demi dapat memberi bantuan kepada pihak kerajaan dari aspek pembangunan dan pengembangan ekonomi negara kita.

Rujukan

- Abd Rahman, S. S., Muhammad Sabri, M. F., & Nadzri, S. (2015). Kompetensi keusahawanan diri dalam kalangan mahasiswa yang mengambil kursus keusahawanan di universiti. In *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah* (No. 2ndICoMM).
- Abdullah, M. S. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan Politeknik dalam menceburi bidang keusahawanan (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Ab Rashid, A. H., Mupit, D. S., & Rahim, M. A. (2018). Kecenderungan Pelajar terhadap Keusahawanan di Kolej Komuniti Segamat 2. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 1(3), 31-42.
- Ajzen, I. 1991. The theory of planned behavior. *Processes* 50: hlm. 179-211. *Organizational Behavior and Human Decision*
- Amin, F. (2012). Kerjasama Institusi Pendidikan-Industri di Politeknik Merlimau (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Arifin, N. F., Rahman, R. S. A. R. A., & Othman, N. (2020). Tahap Personaliti Big Six dan Hubungannya dengan Kecenderungan Keusahawanan Digital dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti (Big Six Personality Level and Its Correlation to Digital Entrepreneurship Among Community College Students). *Jurnal Pendidikan Malaysia* (Malaysian Journal of Education), 45(1SI), 101-110.
- Baharom, S. (2019). UTHM Terima Pelajar Baharu Program Sarjana Muda. Johor: UTHM.
- Faizu, F. C., & Othman, N. (2020). Tahap Pengetahuan Asas Keusahawanan Terhadap Keinginan Memilih Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 240-254.
- Firdause, A., & Fadzil, M. (2017). Kajian Penerokaan Terhadap Proses Penciptaan Perniagaan Baharu E-Dagang di Malaysia/The Exploration Study of E-Commerce New Venture

- Creation Process in Malaysia (Doctoral dissertation, Faculty of Entrepreneurship and Business, Universiti Malaysia Kelantan).
- Hamzah, M. R., Daud, K. A. K., Ismail, N., Ahmad, N., & Nordin, N. (2009). Tahap pengetahuan dan minat pelajar Universiti Malaysia Perlis terhadap bidang keusahawanan: Satu tinjauan ke arah pembentukan teknousahawan Universiti Malaysia Perlis. *International Proceedings of Entrepreneurship Education*.
- Hassan, A., & Buang, N. A. (2017). Perbandingan Tahap Sikap, Pemikiran dan Tingkah Laku Keusahawanan dengan Tahap Perancangan Berniaga Mahasiswa Jurusan Sains, hlm. 86-99. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*.
- Ibrahim, R., Hasini, N. F. M., Aziz, N. E. M., & Esa, M. M. (2017). FAKTOR PENDORONG PEMILIHAN PROGRAM KEUSAHAWANAN DI NEGERI MELAKA, 2(2): hlm. 61-92 *Journal of Business Innovation*.
- Ishak, Z., Buang, N. A., & Halim, L. (2017). Ciri-Ciri Dan Tahap Pemikiran Sains Keusahawanan: Kesiediaan Integrasi Pemikiran Keusahawanan Dalam Proses Pengajaran Guru-Guru Sains Di MRSM. *JuPiDi: 1(1)*: hlm. 53-89. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*.
- Ishar, M. I. M., & Jabor, M. K. (2018). Elemen Keusahawanan dalam Bidang Kulinari. 3(1): hlm. 100-133. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*.
- Ispawi, D. I. (2008). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Bidang keusahawanan Sebagai Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar pendidikan Teknikal Dan Vokasional (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Siaran Akhbar. Statistik Utama Tenaga Buruh, Malaysia, Siku Pertama (S1).
- Jalil, N. (2014). Kecenderungan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang PTV (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Jantan, N., & Pengarah, T. (2014). Isu-Isu Yang Dihadapi Dalam Pelaksanaan Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) Di Politeknik Merlimau Dan Kaedah Untuk Mengatasinya.
- Jusoh, A. J. (2000). Hubungan personaliti warna dengan minat kerjaya di kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia (Doctoral Dissertation).
- Kamin, Y. (2014). Tahap kesedaran kerjaya pelajar tingkatan enam di daerah Kluang dalam pemilihan kerjaya, TVEIS.
- Kamus Dewan. (2015). Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Malaysia, K. P. (2020). Statistik Pendidikan Tinggi 2019. Kuala Lumpur: Sistem Kajian Pengesanan Graduan, KPM.
- Mazdan, A. A., Jani, R., Edman, S., & Hamdan, R. (2015). Dimensi Personaliti Terhadap Pembudayaan Keusahawanan Dalam Kalangan Graduan di Malaysia.
- Mazirah, M. (2018). Tahap Kecenderungan Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Pelajar Kolej Vokasional. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 18-30.
- Miaat, E. A. (2015). Faktor yang Mendorong Kecenderungan Pelajar Kolej Vokasional ke Arah Bidang Keusahawanan.
- Miskam, M. (2019). Sorotan Upacara UTM. Johor: UTM.
- Mohamad, R., & Othman, N. (2018). Korelasi Efikasi Kendiri Keusahawanan terhadap Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Pra-universiti (Correlation of Entrepreneurial Self-efficacy and Entrepreneurial Inclination among Pre-university Students). *Akademika*, 88(2).
- Mohd Azis Ngah, C dan Fahmy A Rosli. (2019). EKSklusif: Graduan, siswazah miskin, B40 sukar dapat kerja setimpal.

- Mohd Nasrul Hakim, J. (2015). Kajian kecenderungan keusahawanan pelajar di Universiti Kuala Lumpur (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Mohd Rosli, F. (2013). Pembudayaan keusahawanan ke arah mempengaruhi kecenderungan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan bakal graduan di UTHM (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Nasharudin, N., & Harun, H. (2016). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Malaysian Journal of Education* (0126-6020), 35(1).
- Nawang, W. M., Sa'at, N. H., Ahmad, S., & Mamat, I. (2016). Kecenderungan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Terengganu. hlm.87-98. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.
- Nawang, W. M. Z. W., Sa'at, N. H., Ahmad, S., & Mamat, I. (2016). Kebaikan pekerjaan keusahawanan sebagai pengantara antara faktor-faktor peramal dan kecenderungan pelajar menceburi kerjaya keusahawanan. *Sains Humanika*, 8(1).
- Nor Aishah Buang. (2013). Pendidikan Keushawanan. Bangi: Penerbit UKM.
- Nor Fadhilah, N. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Malaysian Journal of Education* (0126-6020), 35(1).
- Nor Syakira, K. (2015). Kecenderungan keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Othman, N. H., Ab. Wahid, H., & Mohamad, A. (2019). Pendidikan Keushawanan di Institut Pengajian Tinggi. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim.
- Othman, N. H., Hassan, R., & Zaki, W. M. (2019). Pendidikan Asas Keusahawanan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, N. H., & Ishak, S. (2011). Kecenderungan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan mengikut persepsi peserta skim usahawan siswa. *Sains Humanika*, 56(1).
- Othman, N. H., & Rahman, R. S. (2018). Pendidikan Keusahawanan dan Realiti. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman, N., Othman, N. H., Tin, P. B., Ismail, R., & dan Pengurusan, F. E. (2012). Impak globalisasi dan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar university, hlm. 435-445. *Prosiding Perkem VII*.
- Perangkaan, J. (2020). Pengangguran paling tinggi sejak 10 tahun. Kuala Lumpur: Malaysia Kini.
- Rahim, M. S., Khalid, A. Z. A., Abdullah, S. H., Abdullah, S., Ahmad, S., Zakaria, N., ... & Poespowidjojo, D. A. L. (2017). *Asas Keusahawanan: Ke Arah Pengukuhan Minda dan Kemahiran Keusahawanan* (UUM Press). UUM Press.
- Rahman, N. A. A., & Abbas, L. N. (2016). Kecenderungan Pelajar Berkeperluan Khas Di Politeknik Dalam Menceburi Bidang Keusahawanan. *Online Journal for TVET Practioners*, 1(1).
- Ravi, N., NAGARATHANAM, L., MEMENUHI, P. P. Y. D. U., & IJAZAH, S. D. S. M. (2015). Hubungan sikap, Pemikiran dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Prasiswazah India Di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rijal, M. (2016). LATIHAN KEWIRAUSAHAAN DAN WIRAUSAHAAN BERJAYA:
- Rohilah, S. E. (29 Disember, 2015). Ilearning. Retrieved from Apa yang Dimaksud dengan Populasi dan Sampel?: KAJIAN DI KOTA MAKASSAR SULAWESI SELATAN. *JPP (Jurnal Politik Profetik)*, 4(2).
- Samsudin, M. (2017). Hubungan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dengan keusahawanan: kajian kes belia luar bandar di kawasan Kelantan Selatan (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).

- Shariff, M. N. M. (2016). Kecenderungan Keusahawanan: Satu Kajian Empirikal di Kalangan Tenaga Akademik Politeknik-Politeknik Malaysia. 11(2): hlm. 171-194. International Journal of Management Studies.
- SMK, P. (2019). TRAIT PERSONALITI, IKLIM SEKOLAH DAN MINAT KERJAYA KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN. 2(6): hlm.51-65. International Journal of Entrepreneurship.
- Te, T. S., Abdullah, A., & Rashid, A. M. (2019). Pengaruh faktor terpilih terhadap aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti (The Influence of Selected Factors toward Entrepreneurial Career Aspirations among Students of Community Colleges). *Akademika*, 89(3).
- Tinggi, K. P. (2020, Disember 16). Statistik Pendidikan Tinggi 2019. Retrieved from Mohe.gov.my: <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/awam/statistik/2019-1>
- Tunggak, B., & Ahmed, Z. (2015). Pengaruh Faktor Latar Belakang Terhadap Orientasi Sikap Keusahawanan dalam Kalangan Usahawan Belia Bumiputera Muslim (The Influence of Background Factors on Entrepreneurial Attitude Orientation among Muslim Bumiputera Youth Entrepreneurs). *Akademika*, 85(2).
- Wang, K. (2015). Enterpreneurial interest of university students in singpaore. 2(4): hlm. 163-172. *Technovation*.
- Yaakop, O. (2010). Program perisian sumber terbuka (OSS) sektor awam Malaysia: Perisian alternatif dalam perkhidmatan awam.
- Yusof, W. N. H. S. W., & Zainol, F. A. (2015). Efikasi sendiri dari perspektif teori sosial kognitif dan pendekatan akhlak dalam pembangunan keusahawanan, hlm. 47-68. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*.